




**KUKUM**

**Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia  
NORTHERN MALAYSIA UNIVERSITY COLLEGE OF ENGINEERING**



# **UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR 2005**

**“Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya”**

**26 Januari 2005**

**Dewan Warisan, Kangar, Perlis**



## RALAT

Halaman 20, Perenggan 2, Baris 2

....., di mana Sayidina Umar al-Khattab .....

Diganti dengan

....., di mana Sayidina Umar Abdul Aziz .....





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlis*

Daripada  
**Perpustakaan**  
**Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia**  
Tingkat 2, Blok Podium, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis

Tel: 04-9798266/8269 Fax: 04-9781876

Laman Web: <http://mylib.kukum.edu.my>

# UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR 2005

*“Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya”*

**Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin**  
**Rektor**  
**Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia**

**26 Januari 2005**  
**Dewan Warisan, Kangar, Perlis**





Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin  
Rektor  
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia





## MUKADIMAH

Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,  
Saudara-saudari, para staf dan pelajar KUKUM yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Ucap kesyukuran dan penghargaan yang tidak terhingga saya panjatkan ke hadirat Allah SWT, Tuhan seru sekalian alam, yang telah menemukan kita di dalam Majlis Ucaptama Rektor 2005 pada pagi yang permai ini. Selawat dan salam dilafazkan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhamad SAW.

Alhamdulillah, sudah tiga tahun berturut-turut Majlis Ucaptama Rektor ini dijayakan semenjak penubuhan KUKUM dalam tahun 2002. Ingin saya jelaskan bahawa **Siri Ucaptama Tahunan Rektor** diadakan awal setiap tahun sebagai wacana di mana segenap lapisan warga Universiti ini dapat memahami dan menghayati hasrat hati saya dan pengurusan KUKUM dalam menjalankan tugas untuk menjadikan ia sebuah institusi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Intipati ucapptama ini banyak ditujukan kepada staf. Namun begitu, ia adalah relevan kepada pelajar juga. Untuk itu, saya mengalu-alukan kehadiran semua pelajar KUKUM di dalam dewan ini. Di kesempatan ini juga tidak terlewat sekiranya saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2005 kepada semua warga KUKUM.

Saudara-saudari sekalian,

Tema yang telah kita pegang sepanjang tahun lepas, iaitu **"TERUS MENGEMUDI TENAGA DAN UPAYA"** akan terus kita gunakan pada tahun ini. Saya ada menyebut dalam ucapptama tahun lalu bahawa, walaupun Universiti kita ini sudahpun terbina seadanya, namun begitu, ia masih jauh dari sempurna. Setelah hampir tiga tahun beroperasi, perjuangan kita masih jauh dari selesai. Apa yang telah kita bangunkan pada tahun pertama dan kedua kewujudan kita perlu kita perkemas dan perkasakan. Kita masih berada di tengah lautan dugaan dan cabaran, dan dari itu kita perlu terus mengemudi perjalanan kita dengan segala tenaga dan upaya yang terdapat pada diri kita.

Sebagaimana tahun-tahun lepas, untuk memperingatkan diri kita sekali lagi, dan juga untuk manfaat warga KUKUM yang baru masuk menyertai keluarga ini dan dari itu tidak berpeluang mengikuti majlis-majlis ucapptama yang lalu, biarlah saya berbicara sedikit tentang sejarah dan falsafah penubuhan Universiti ini. Saya percaya ini akan dapat membantu membentuk sebuah penghargaan ke atas perkara-perkara yang telah dan akan dilalui selama berada di sini. Saya yakin dengan penghargaan yang sedemikian,





saudara-saudari akan lebih memahami mengapa sesebuah tugas itu perlu dilaksanakan sebagaimana diarahkan. Maka insya Allah akan lahirlah keikhlasan di hati semasa bekerja.

Sekitar 4 tahun yang lalu, kerajaan berhasrat mewujudkan sebuah institusi pendidikan tinggi awam yang berupaya melahirkan jurutera mahir bagi memenuhi keperluan Pelan Induk Perindustrian Negara. Kerajaan sedar bahawa perkembangan sektor industri dan kesejahteraan nusa dan bangsa memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Sekiranya rakyat tempatan tidak menguasai ilmu di dalam bidang itu, nikmat kejayaan yang kini kita kecapi adalah bersifat sementara sahaja. Maka, tersemailah benih penubuhan KUKUM. Begitu besar harapan kerajaan iaitu agar KUKUM dapat menyumbang dalam membekalkan sebahagian dari 137 ribu orang jurutera mahir yang masih diperlukan dalam tahun-tahun yang akan datang ini, khususnya jurutera mahir dan berpengetahuan tinggi di dalam bidang elektronik.

Y. Bhg. Profesor Dr. Ali Yeon, Timbalan Rektor (Akademik) kita, telah diminta membangunkan kurikulum yang dapat membantu merealisasikan harapan ini, dan saya pula telah ditugaskan untuk mengepalai usaha penubuhan Universiti ini. Sejak daripada itu, Alhamdulillah, sudah begitu jauh sekali langkah yang kita ambil sehingga kini.

Jadi saudara-saudari, penubuhan KUKUM sebenarnya adalah merupakan sebahagian dari pelan tindakan di dalam agenda kerajaan Malaysia menguasai bidang ilmu yang kini masih belum lagi kita pegangi. Sebagai institusi yang mendukung dan menyokong penuh hasrat yang murni ini, kita akan terus menerus bekerja sedaya-upaya untuk merealisasikan cita-cita ini.

Salah satu cara yang boleh dilakukan bagi memastikan bahawa falsafah KUKUM dapat dihayati dan diamalkan ialah dengan mengintegrasikannya secara terancang di dalam pekerjaan seharian kita. Ini dicapai melalui sebuah perancangan strategik yang komprehensif. Alhamdulillah, Pelan Perancangan Strategik 2004-2006 sudahpun beberapa kali melalui proses pemurnian, di mana semua yang terlibat, termasuklah Y. Bhg. Dato' Ramli Abas sendiri, iaitu Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti kita, telah secara khusus memperincikan tindakan-tindakan yang diambil sepanjang tahun ini dan tahun hadapan. Pada pagi ini, saya akan berkongsi dengan saudara-saudari sekalian sebahagian pengisian perancangan tersebut, dan beberapa hasil yang sudahpun tercapai setakat ini.





U N I V E R S I T I  
K U K U M



## AKADEMIK & PENYELIDIKAN

Pembangunan akademik merupakan urusan terpenting KUKUM. Jatuh bangunnya KUKUM terletak pada keperkasaan akademiknya. Alhamdulillah, sejak penubuhan Universiti ini hampir 3 tahun lalu, program dan sistem akademik kita telah melalui proses pemantapan yang menyeluruh sehinggakan kita kini dapat berbangga dengan kemajuan yang telah dan akan terus-menerus dicapai.

### **Peningkatan bilangan program akademik, pelajar, staf dan pelaburan ke atas makmal**


Dalam tahun 2002 dulu kita cuma ada dua buah program akademik. Dalam tahun 2003, lapan buah program baru ditambah. Kini, hasil penat jerih staf kita, dua lagi program akademik, iaitu Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Rekabentuk Produk akan ditawarkan mulai Jun, 2005. Ini membuatkan bilangan program akademik yang ditawarkan berjumlah 12, di mana setiap program dapat menampung 70 orang pelajar bagi setiap kemasukan. Maka, dalam setiap tahun, seramai 840 orang pelajar baru dapat diambil belajar di KUKUM.

Dalam pada itu, terdapat dua lagi program akademik yang sedang giat dibangunkan, iaitu Kejuruteraan Bioproses dan Kejuruteraan Alam Sekitar. Sekiranya dua program ini juga diluluskan pihak Kementerian, maka ini bermakna KUKUM akan menawarkan 14 buah program akademik yang merangkumi bidang-bidang kejuruteraan yang strategik. Sehingga tahun 2010, kita menjangka akan menawarkan sekitar 28 program akademik, yang kemungkinan besarnya termasuklah Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan, Fizik Kejuruteraan, Fotonik dan Kejuruteraan Polimer.

Dengan peningkatan bilangan pelajar dan program akademik yang bukan sedikit ini, dan atas kesedaran bahawa graduan kejuruteraan yang mahir dan cemerlang asalnya adalah pelajar yang mempunyai kefahaman asas yang mantap dalam Matematik, maka Unit Matematik & Simulasi Kejuruteraan telah ditubuhkan. Dengan adanya unit ini, adalah diharapkan agar penawaran subjek-subjek Matematik, yang kini sekadar 'menumpang' di Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) dapat dijayakan dengan lebih berkesan lagi.

Selaras dengan penambahan bilangan program akademik, bilangan staf akademik juga terus ditambah. KUKUM mengalu-alukan kehadiran sekumpulan anggota baru keluarganya, termasuk 2 orang profesor dan 6 orang profesor madya. Ramai lagi yang akan diambil masuk dari semasa ke semasa. Anggota-anggota keluarga baru kita ini insya Allah akan membantu memantapkan lagi kekuatan akademik KUKUM.





Segala persiapan untuk memastikan penawaran program berjalan lancar dibuat tanpa henti-henti. Pada tahun 2004 sahaja, KUKUM telah membelanjakan sejumlah RM 11.84 juta untuk membangun dan melengkapkan makmal-makmal pengajaran baru. Ini bermakna sejumlah RM 28.77 juta sudahpun dibelanjakan untuk tujuan ini sejak awal penubuhan KUKUM. Sekitar Mei 2004, Kompleks Makmal KUKUM yang terletak di Kompleks Perindustrian Kuala Perlis telah dirasmikan. Antara makmal-makmal yang terdapat di sini ialah Makmal CAD/CAM, Makmal Fabrikasi Litar Bersepadu (PCB), Makmal Keboleharapan & Analisis Kegagalan, Makmal Fizik Semikonduktor, Makmal Mekanik Kejuruteraan, Makmal Teknologi Pembuatan dan Makmal Fabrikasi Mikroelektronik atau *clean room* yang merupakan makmal pengajaran pertama di Negara ini yang dibina di dalam bilik bersih. Sebenarnya ada banyak lagi makmal-makmal yang telah dan sedang dibina di KUKUM, termasuklah Makmal Rangkaian Komputer, Makmal Rekabentuk Litar Bersepadu, Makmal Instrumentasi Elektronik, Makmal Rekabentuk Sistem Terbenam, Makmal Metalurgi Fizikal, Makmal Sifat-sifat Bahan dan banyak lagi.

Bagi menampung bilangan stafnya yang kian meningkat, sebuah kompleks baru, iaitu Kompleks Pusat Pengajian KUKUM di Jejawi telah didirikan. Kompleks ini, yang terdiri dari dua buah blok bangunan empat tingkat, telah dirasmikan pada bulan Mei, 2004. Ia menempatkan pejabat pentadbiran pusat-pusat pengajian.


Bagi Rancangan Malaysia ke-9, KUKUM telah mengajukan permohonan untuk mendapatkan hampir RM 400 juta untuk pembelian mesin dan peralatan bagi melengkapkan lagi makmal-makmalnya, serta menaiktarafkan kemudahan dan aplikasi ICTnya. Angka yang bukan sedikit ini mencerminkan keazaman Universiti ini untuk memberikan yang terbaik kepada pelajar dan staf di dalam usaha mereka menerokai ilmu pengetahuan. Saya harap segala pelaburan yang dihasratkan ini akan membuahkan hasil yang baik, sebagaimana dirancang.

## **Penubuhan Unit Pengajaran dan Pembelajaran (UPP)**

Saudara-saudari sekalian,

Dengan perancangan dan pelaburan yang begitu hebat, sudah tentulah kita menjangka bahawa pengalaman pembelajaran pelajar-pelajar KUKUM benar-benar bermakna, dan ini dapat diterjemahkan kepada pencapaian akademik yang unggul. Namun begitu, Universiti mendapati bahawa prestasi pelajar setakat ini masih boleh ditambahbaik. Walaupun terdapat ramai pelajar yang menunjukkan prestasi membanggakan, bilangan mereka ini boleh dipertingkatkan lagi.






Universiti sedar bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Makmal yang hebat dan kurikulum yang mantap, yang disampaikan oleh staf yang berkelayakan tinggi tidak dapat menjamin proses pengajaran-pembelajaran yang sempurna. Makmal yang hebat dapat dibina dengan wang ringgit, manakala kurikulum yang mantap boleh dicapai sekiranya ia diperkemas dari semasa ke semasa, sebagaimana yang dilakukan kini. Staf yang berkelayakan sememangnya dipilih khas sebelum diambil bekerja di KUKUM. Mungkin apa yang tertinggal di sini ialah kaedah pengajaran-pembelajaran pada pihak staf dan juga pelajar yang masih belum sempurna lagi. Untuk itu, Unit Pengajaran-Pembelajaran (UPP) telah ditubuhkan beberapa bulan lepas untuk menangani perkara ini. Unit ini diberikan tanggungjawab menyusun program-program khas yang dapat membantu tenaga pengajar mempelajari teknik-teknik penyampaian kuliah dan makmal yang berkesan, agar apa yang hendak diajar dapat disampaikan dengan cara yang menarik perhatian pelajar. Begitu juga dengan teknik pembelajaran berkesan yang perlu diketahui pelajar. Selain itu, UPP akan membantu pengajar dan pelajar mengoptimumkan segala kemudahan sedia ada sehinggakan hasilnya dapat dimanifestasikan di dalam bentuk gred pencapaian pelajar.

## E-Learning

Di samping penyampaian bahan pengajaran dalam bentuk kuliah dan makmal biasa, pendekatan yang dewasa ini digunakan dengan meluas ialah pendekatan *e-learning*. Sejak tahun 2002 lagi, KUKUM telah melabur sejumlah wang yang besar untuk membina infrastruktur ICTnya. Di KUKUM, ICT bukan sahaja digunakan bagi tujuan pentadbiran, tetapi lebih dari itu, ia digunakan dalam pengajaran-pembelajaran. Tenaga pengajar KUKUM memuat-naik nota kuliah ke portal agar pelajar dapat mengakses nota-nota tersebut.

Tahun lepas, konsep e-nota ini diperluaskan lagi dengan bermulanya projek pembangunan modul-modul *e-learning* yang lengkap. Sebanyak 7 buah subjek dari 7 pusat pengajian dan PKKK telah dikenalpasti untuk di-'e'-kan dalam erti kata sebenar. Ini bermakna *e-learning* bukan lagi sekadar capaian nota kuliah di portal, tetapi jauh lebih dari itu. Dengan adanya e-modul, sistem pengurusan pembelajaran yang kini sudahpun terdapat di portal akan dimanfaatkan sepenuhnya. Penguasaan ilmu pelajar akan diuji melalui kaedah on-line. Disebabkan cirinya yang sedemikian rupa, pelajar mempunyai lebih ruang untuk terus-menerus memantapkan kefahaman ke atas topik-topik yang dipelajari. Adalah dijangka 7 buah modul 'e' ini akan lengkap sebelum pertengahan tahun 2005. Kita akan mengkaji keberkesanannya, dan seterusnya akan meng-e-kan subjek-subjek lain dalam tahun-tahun yang akan datang. Dengan penggunaan modul-modul 'e' ini maka proses pengajaran-pembelajaran pelajar dan juga tenaga pengajar dapat dioptimumkan, Insha Allah.





Saudara-saudari sekalian,

Bercakap tentang proses pengajaran-pembelajaran berkesan, walaupun ada Unit Pengajaran-Pembelajaran, ada peralatan canggih, ada kaedah *e-learning* yang mencerminkan dominasi teknologi canggih dalam zaman ledakan maklumat ini, dan ada sistem akademik yang mantap, tak dapat tidak perhatian kita masih akan berpaling kepada tenaga pengajarnya. Biar pun kita sudah memasuki era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, namun peranan tenaga pengajar masih utuh. Percayalah tenaga pengajar masih menjadi nadi kepada dunia pendidikan masa kini dan masa akan datang.

Kerana itulah pada tahun ini, kita akan memperkenalkan sebuah sistem yang dapat memastikan bahawa selain Pegawai Latihan Vokasional (PLV), semua pensyarah mempunyai slot makmal yang wajib dihadapinya sepanjang semester. Ini kerana bagi kebanyakan subjek teras, penyampaian kuliah sahaja tidak mencukupi. Kaedah *lab-intensive* yang kita amalkan memerlukan kehadiran pensyarah secara kerap di dalam makmal. Pensyarah tidak boleh bergantung harap 100% kepada PLV sahaja semasa sesi makmal berjalan.

Saya harap kita semua tidak lupa bahawa tugas hakiki seseorang pensyarah ialah menyampaikan kuliah dan makmal, menyelia dan membimbing pelajar khususnya dalam projek dan perkara lain yang berkaitan, menjalankan penyelidikan, menjalin hubungan dengan industri, dan melakukan kerja-kerja khidmat Universiti dan masyarakat. Marilah kita sama-sama bermuhasabah dan menanyakan kepada diri kita sendiri adakah tanggungjawab-tanggungjawab ini telah dilaksanakan dengan sepenuh hati? Terutama sekali bagi pensyarah yang tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran, adakah tugas membimbing pelajar semasa kuliah dan makmal dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan lagi, berbanding tugas yang sama yang dilaksanakan oleh pensyarah yang ada memegang jawatan pentadbiran?

Saya telah sebutkan tadi mengenai pembinaan sistem yang dapat memastikan kehadiran pensyarah di makmal sepanjang semester. Sistem yang dicadangkan mungkin melibatkan pensyarah dari pusat-pusat pengajian saling kunjung-mengunjungi antara satu sama lain dalam masa-masa yang ditetapkan. Misalnya, pensyarah dari Pusat Pengajian Mekatronik berkunjung ke makmal di Pusat Pengajian Pembuatan pada masa-masa tertentu, atau pensyarah dari Pusat Pengajian Pembuatan melawat makmal di Pusat Pengajian Komputer & Perhubungan. Semasa berlangsungnya kunjungan tersebut, pemerhatian ke atas perjalanan makmal dapat dilakukan. Kunjungan yang sedemikian akan memberikan peluang kepada pensyarah untuk saling berkongsi pengalaman pengendalian makmal dengan rakan-rakan dari pusat pengajian/pusat lain.





Saudara-saudari sekalian, sebenarnya, budaya berada di makmal amat tinggi nilainya bagi seseorang ahli akademik. Betapa tidak. Di makmallah peluang-peluang penyelidikan boleh dikenalpasti. Lebih-lebih lagi kita ini sebuah universiti yang mengamalkan pendekatan *lab-intensive* maka amat moleklah sekiranya sebahagian besar masa pensyarah dihabiskan di dalam makmal.

Setelah kaedah pengajaran-pembelajaran yang paling sempurna dapat digunapakai oleh pelajar dan tenaga pengajar yang berkelayakan tinggi, dan disokong pula dengan kurikulum yang mantap dalam persekitaran yang kondusif, saya kira tidak ada lagi sebab yang menghalang pelajar dari mencapai kejayaan akademik yang cemerlang, melainkan sikap yang terletak pada diri pelajar sendiri. Sebagaimana tahun-tahun lepas, saya ingin menyeru sekali lagi agar semua menyedari bahawa proses pembelajaran di universiti sebenarnya adalah milik pelajar, dan tiada siapa yang dapat memastikan pelajar menguasai ilmu melainkan diri pelajar sendiri. Pelajar yang cemerlang akan mengecapi kejayaan walaupun dikelilingi pelbagai cabaran, kerana pelajar yang cemerlang mengoptimumkan segala kemudahan di sekelilingnya meskipun kemudahan tersebut ada cacat dan celanya. Pelajar yang cemerlang berupaya menukar sesebuah cacat dan cela kepada peluang untuk membangunkan dirinya. Saya harap pelajar yang sebeginilah yang ada di KUKUM.

## Jemaah Pengurusan Akademik Kolej Universiti Teknikal (KUT)

Saudara-saudari sekalian,

Satu lagi usaha pementapan akademik yang telah dimulakan tahun lepas ialah penubuhan 'Jemaah Pengurusan Akademik Kolej Universiti Teknikal'. Usaha ini dipelopori oleh KUKUM sendiri setelah menyedari bahawa isu-isu akademik yang dihadapi Universiti ini sebenarnya dihadapi juga oleh kolej universiti-kolej universiti teknikal lain iaitu KUiTTHO, KUKTEM dan KUTKM. Saudara-saudari mungkin ingat lagi beberapa bulan lalu terdapat berita yang disiarkan di dalam dada akhbar, kononnya Kolej Universiti kini sudah menyeleweng dari tujuan penubuhan asalnya. Selepas membaca berita tersebut, ada yang melatah, termasuk dari kalangan warga KUKUM sendiri. Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengatakan bahawa jemaah ini yang keanggotaannya terdiri dari 4 buah kolej universiti teknikal yang saya sebutkan tadi telah meneliti dan berdebat dengan panjang lebar mengenai dakwaan yang dibuat. Hasil muhasabah diri ini, keempat-empat KUT mendapati bahawa halatuju KUT sedikitpun tidak tergelincir dari landasan asalnya.

Namun demikian, rentetan dari dakwaan yang dilemparkan ke atas KUT, terdapat keperluan yang genting untuk memperbetulkan persepsi masyarakat terhadap kualiti





akademik dan ciri graduan yang bakal dihasilkan KUT. Di sinilah letaknya cabaran utama dalam pembangunan KUT, termasuk KUKUM. Dalam suasana di mana keyakinan dan kepercayaan masyarakat masih belum dapat dibentuk lantaran usianya yang terlalu muda, KUKUM serta KUT-KUT lain perlu bersatu untuk menangani cabaran yang melanda. Contohnya, masih terdapat segelintir masyarakat IPT yang tidak tahu perbezaan antara Kolej Universiti Awam dan Kolej Universiti Swasta. Kolej Universiti Swasta membawa maksud bahawa sesebuah institusi pengajian tinggi itu, walaupun menawarkan program-program akademik yang baik, masih belum boleh dianggap sebagai sebuah *full-fledged university* kerana kekurangan ciri atau sumber tertentu. Hanya setelah ciri atau sumber tertentu itu dipenuhi, barulah Kolej Universiti tersebut boleh 'dinaik tarafkan' kepada universiti.

Sebaliknya, bagi Kolej Universiti Awam, istilah Kolej Universiti itu tidak sekali-kali mencerminkan kedudukan statusnya. Kolej Universiti Awam adalah samarata dengan Universiti Awam, dan perkara ini telah diperjelaskan berkali-kali oleh pihak Kementerian. Adalah membimbangkan sekiranya persepsi ini tidak diperbetulkan, kerana peluang kerjaya graduan Kolej Universiti mungkin bergantung kepada persepsi tersebut. Saya ingin memaklumkan kepada pelajar-pelajar KUKUM bahawa Universiti ini, seiring dengan KUT-KUT lain di bawah Jemaah Pengurusan Akademik, akan bertungkus-lumus memperbetulkan persepsi masyarakat, Insya Allah.

Dalam pada itu, pelajar juga mestilah sedar bahawa walau setinggi gunung usaha dicurahkan ke arah ini, *trump card* atau kata putus perjuangan ini terletak pada bahu graduan KUT sendiri. Sekiranya pelajar, setelah berijazah nanti, dapat membuktikan kepada majikan dan masyarakat bahawa kebolehannya lebih baik, atau setidak-tidaknya setanding dengan graduan keluaran universiti konvensional, maka pertikaian tentang kualiti akademik KUT akan dapat dileraikan akhirnya.

Inilah yang dimaksudkan dengan istilah, "*the product speaks for itself*". Graduan yang memenuhi ciri-ciri yang dihasratkan sebenarnya tidak perlu bantuan dari mana-mana pihak untuk membuktikan kehebatannya. Graduan itu sendirilah yang mencari jalan bagaimana mengatasi cabaran yang dihadapinya. Namun begitu, ini tidak bermakna KUKUM akan membiarkan sahaja kemelut persepsi ini berterusan. Seperti yang saya katakan tadi, KUKUM akan memperjuangkan kedudukannya agar persepsi masyarakat ke atas kita dan juga KUT-KUT lain dapat diperbetulkan.





## Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

Sememangnya kejayaan pelajar setelah bergraduasi nanti merupakan petunjuk kejayaan yang mutlak. Saya pasti ramai yang gementar menunggukan detik ini. Namun begitu, sebelum daripada itu, terdapat sebuah cabaran lain, yang sekiranya dapat ditangani dengan baik, merupakan satu cara yang dapat membantu membentuk persepsi masyarakat terhadap prestasi graduan KUKUM. Cabaran itu ialah pengiktirafan dari Majlis Akreditasi Kejuruteraan, atau lebih dikenali sebagai EAC.

Dengan pelajar kelompok sulung KUKUM kini hampir berada pada tahun akhir pengajian, audit dari pihak EAC semakin hampir. Semenjak setahun yang lepas, KUKUM telah mengorak langkah awal melakukan persediaan yang sewajarnya. Semakin banyak persediaan dibuat, semakin banyak lagi yang masih perlu dibereskan, dan dari itu pelbagai perkara rancak disusun dan dilaksanakan. Pihak EAC dihubungi dari semasa ke semasa untuk memastikan program akademik KUKUM berjalan lancar, sebagaimana dikehendaki. Sebagai contoh, dua minggu lepas, Pengurus Besar Lembaga Jurutera Malaysia, iaitu anggota utama EAC, telah mengunjungi KUKUM atas jemputan kita. Beliau telah berdialog dengan hampir kesemua Dekan, Timbalan Dekan dan Pengerusi Rancangan mengenai kurikulum program-program akademik kita, dan keperluan untuk mendapatkan akreditasi. Insya Allah, hubungan yang sebegini akan diteruskan, agar menjadi input positif kepada kerja-kerja pemantapan kurikulum dan sistem akademik kita.

Bercakap mengenai akreditasi, ingin saya mengingatkan dekan-dekan, timbalan-timbalan dekan serta pengerusi-pengerusi rancangan mengenai keutamaan yang kita berikan dalam memantapkan sistem dan kurikulum akademik kita. Kita sebenarnya lebih berminat menghasilkan jurutera-jurutera mahir yang mampu tampil ke hadapan untuk membangunkan Negara, dan bukannya semata-mata jurutera yang layak untuk didaftar sebagai *professional engineer* sahaja. Sudah tentulah kita berkehendakkan kepada kedua-duanya, tetapi kelayakan yang memungkinkan graduan KUKUM mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia seharusnya dilihat sebagai tidak lebih dari jalan atau kenderaan yang memungkinkan pencapaian matlamat yang jauh lebih mulia dan terpuji. Usaha Universiti mendapatkan akreditasi, dan usaha pelajar mendapatkan segulung ijazah bukanlah usaha mengejar sekeping kertas, atau *paper chase* semata-mata. Percayalah, wawasan yang menjangkau pengejaran sekeping kertas akan membuahkan hasil yang tidak terperi nilainya. Dari itu, marilah bersama-sama kita memperbetulkan niat dalam usaha untuk mendapatkan sekeping kertas tersebut.





## Penyusunan Semula Penyelidikan & Akademik

Selain perkara-perkara yang saya nyatakan tadi, kekuatan akademik sesebuah universiti banyak bergantung kepada input yang datangnya dari penyelidikan. Universiti yang hanya cemerlang dari segi pengajaran-pembelajarannya sahaja sebenarnya belum benar-benar cemerlang. Sebaliknya, pengajaran-pembelajaran yang dapat disandarkan pada kekuatan penyelidikan bukan sahaja menjamin kualiti kandungan akademik yang disampaikan kepada pelajar, tetapi juga menjamin sumbangan yang bermakna kepada masyarakat dan negara. Ini bermaksud kehebatan akademik dan kekuatan penyelidikan perlu disemai seiring dan sejalan.

Kerana itulah, ditahun 2005 ini insya Allah akan menyaksikan rombakan yang unggul dalam struktur pentadbiran akademik dan penyelidikan di universiti yang kita sayangi ini. Walaubagaimanapun, pentadbiran akademik, dari perspektif operasi hariannya, tidak banyak terlibat. Amalan biasa akademik akan terus berjalan, cuma akan terdapat sedikit ubahsuaian dari segi agihan beban tugas staf akademiknya sahaja. Ini akan saya terangkan sebentar lagi. Sebaliknya, perbezaan dalam operasi penyelidikan akan menjadi lebih ketara, di mana penyusunan pentadbirannya berbeza dari amalan biasa.

Lazimnya, projek-projek penyelidikan disusun menurut kepakaran staf sesebuah pusat pengajian. Sebagai contoh, katalah Pusat Pengajian Bahan berminat menjalankan penyelidikan membangunkan bahan baru yang diperbuat dari bahan kitar semula. Lalu, makmal yang sesuai, yang ditempatkan di bawah pengawasan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dibangunkan bagi menampung keperluan ini. Kini, di bawah penstrukturan- semula penyelidikan, 'kluster' penyelidikan dikenalpasti, dan kluster ini mengambilkira semua atau hampir semua bidang kepakaran di pusat-pusat pengajian lain. Diambil contoh penyelidikan bahan kitar-semula tadi, di bawah sistem baru kita, makmal pembangunan bahan kitar-semula yang dimiliki Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan tadi kini diambil dari pusat pengajian tersebut dan ditempatkan di bawah pengawasan Universiti, melalui Unit Penyelidikan KUKUM. Makmal itu dilebarkan fungsinya untuk menempatkan penyelidikan-penyelidikan lain yang berasaskan kitar semula, di mana pembangunan bahan baru menjadi sebahagian dari skop kerjanya. Dalam contoh ini, kluster yang dikenalpasti ialah kluster kitar semula, dan pembangunan bahan baru dari bahan kitar semula menjadi salah satu projek di bawahnya. Mungkin projek-projek lain di bawah kluster ini termasuk pembangunan proses untuk menghasilkan bahan mampan, yang tentunya akan diterajui oleh staf dari Pusat Pengajian Pembuatan. Sekiranya proses pembuatan ini merangkumi penggunaan peralatan elektrik dan elektronik di lantai bengkel, maka staf dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Pusat Pengajian Komputer & Perhubungan, dan Pusat Pengajian Mekatronik juga akan turut terlibat sama.





# U P A Y A




Untuk makluman saudara-saudari sekalian, KUKUM sudahpun melantik seorang pakar dari Australia untuk membimbing penyelidikan dalam kluster am yang kita gelar *Sustainable Engineering*, di mana kitar semula menjadi temanya. Pakar ini diambil sebagai 'Penasihat Penyelidikan' KUKUM. Ini bermakna, KUKUM kini bukan sahaja mempunyai 'Penasihat Akademik' yang meneliti kurikulum dan sistem akademik kita, tetapi juga 'Penasihat Penyelidikan' yang meneliti dan membimbing pelaksanaan penyelidikan di Universiti ini. Kita berhasrat mengadakan 7 kluster penyelidikan dalam tahun-tahun terdekat ini. Kluster-kluster yang telah dikenalpasti, selain *Sustainable Engineering* ialah *Microelectronic & Nanotechnology*, *Sensor Technology & Application*, *Autonomous Systems & Machine Vision*, *Electrical Machine Design & Drives*, *Acoustics*, dan *Network Computing*.

Dari apa yang saya huraikan tadi, jelaslah, struktur baru pentadbiran penyelidikan ini merupakan pelantar di mana gabungan kepakaran staf dari pelbagai pusat pengajian dapat direalisasikan. Ini selaras dengan trend kejuruteraan hari ini, di mana tugas-tugas kejuruteraan moden kini merentasi pelbagai bidang. Sempadan antara bidang semakin kabur, dan semua jurutera dari latarbelakang yang berlainan bekerjasama untuk mencapai sesebuah objektif yang sepunya.

Berbalik kepada pentadbiran akademik dalam penyusunan semula ini, amalan kita sekarang ialah agihan beban tugas staf akademik disusun menurut pusat pengajian. Di bawah sistem ini, mungkin akan terjadi kes di mana tenaga pengajar yang kurang berpengetahuan dalam sesuatu bidang tertentu diminta mengajar sesebuah kursus, lantaran kekurangan tenaga pengajar pada pusat pengajian tenaga pengajar tersebut. Kini, kita meneliti kembali pangkalan data kepakaran-kepakaran yang kita punyai. Kepakaran-kepakaran ini, yang sebelum ini disusun menurut pusat pengajian, akan dipusatkan, seperti juga pentadbiran penyelidikan. Setiap kepakaran akan dipetakan kepada subjek yang ditawarkan. Jadi, seseorang staf akademik akan lebih dikenali melalui kepakaran dan subjek yang diseliannya, dan bukan lagi melalui pusat pengajian di mana staf tersebut ditempatkan. Dengan cara ini, hanya tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran yang sesuai sahaja akan mengajar sesebuah kursus, dan *redundancy* dalam penyediaan sesebuah topik pengajaran dapat dikurangkan. Staf akademik akan fokus kepada bidang pengkhususannya sendiri, dan ini seterusnya dapat memberikan peluang kepadanya untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang fokus tersebut. Secara tidak langsung, staf kita tidak perlu jadi, "*jack of all trades, master of none*". Dan pelajarlah yang mendapat ganjaran tertinggi dalam penyusunan semula ini, di mana hanya tenaga pengajar yang benar-benar arif sahaja yang memberikan bimbingan akademik dalam kursus-kursus yang diambil.






Saya kira kejayaan pelaksanaan penyusunan semula ini terletak pada bahu dekan, timbalan dekan, pengerusi rancangan, pensyarah dan PLV yang terbabit. Di bawah sistem baru ini, dekan harus membenarkan anak-anak buahnya mengajar kursus yang di luar kurikulum program akademik di bawah seliaan pusat pengajiannya sekiranya didapati sesuai. Ini bermakna, tiada ruang untuk bersifat *territorial* di sini. Kepentingan pentadbiran pusat pengajian dikorbankan untuk memberi laluan kepada kepentingan pelajar dan kepentingan KUKUM keseluruhannya.

Dalam penyusunan semula penyelidikan dan akademik, sempadan antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikaburkan untuk memudahkan pencapaian matlamat am organisasi. Saya ingin melebarkan konsep pengkaburan sempadan ini kepada PTJ-PTJ lain juga. Kita semua bekerja untuk KUKUM, dan bukannya untuk sesebuah PTJ semata-mata. Sempadan kerja kita ialah sempadan KUKUM yang satu itu. Kalau boleh janganlah ada sempadan antara PTJ, kerana sekiranya ada, dikhuatiri akan berlaku gejala berpuak yang boleh meruntuhkan produktiviti KUKUM. Kos gejala berpuak ini tidak berhenti pada tahap produktiviti sahaja, tetapi yang lebih parah ialah, ia boleh mencengkam dan membunuh hubungan baik antara kita yang telah disemai melalui program-program sosial yang kita laksanakan sekian lama.

Biarlah hendaknya sempadan PTJ hanya digunapakai bagi memenuhi keperluan pentadbiran dan logistik sahaja. Sememangnya, kita perlu terus mengekalkan sempadan PTJ di atas kertas kerana ia masih diperlukan dalam menghitung dan mengurus perbelanjaan. Sesebuah organisasi itu tidak boleh beroperasi dalam satu kumpulan yang terlalu besar, tanpa memecahkannya kepada kumpulan-kumpulan kecil yang lebih mudah ditadbir, sekurang-kurangnya di atas kertas. Di KUKUM, kumpulan kecil ini adalah PTJ di mana saudara-saudari sekalian ditempatkan. Tetapi, dari segi menjalankan tugas, kita perlu melihat peranan kita sebagai sebahagian proses besar yang bersepadu. Contohnya, proses membangunkan pelajar bermula dari detik pelajar masuk ke KUKUM, dan berjalan sehinggalah pelajar itu mendapat ijazah. Setiap orang daripada staf KUKUM mempunyai peranan tersendiri di dalam proses tersebut. Apa yang dilakukan setiap hari akan mempengaruhi ciri dan rupa graduan KUKUM, dan dari itu kerja-kerja yang dilaksanakan merentasi sempadan fungsi pengambilan pelajar, fungsi pendaftaran pelajar, fungsi kolej kediaman dan sebagainya. Inilah yang dinamakan 'pendekatan proses' (*process approach*) di mana sempadan PTJ dikaburkan agar proses-proses utama kita dapat beroperasi dengan lancar tanpa diganggu gugat kekangan-kekangan yang selalunya terdapat pada kawasan sempadan antara PTJ.

Dengan kata lain, KUKUM, tak kira dari perspektif PTJ mana jua pun, wujud untuk membina dan menambah nilai. Semua proses dan operasi yang dilakukan di sini





bertujuan untuk menjana dan menambah nilai yang dapat dimanfaatkan oleh pelajar, staf, ibubapa, masyarakat dan negara. Sumber-sumber yang ada pada kita iaitu staf, peralatan dan kemudahan diolah dan dicanang dengan sebegitu rupa agar menjadi sebuah 'sistem pengeluaran' yang dapat menjana nilai. Ini memberikan makna kepada kewujudan KUKUM yang secara kolektifnya terdiri daripada manusia, peralatan, dan sistem dan bukannya terdiri daripada PTJ-PTJ yang beroperasi secara berasingan antara satu sama lain.

Hendaknya, penyusunan semula ini dapat meningkatkan lagi keupayaan KUKUM menjana kecemerlangan.

## **Penubuhan Unit Pengantarabangsaan & Pengkomersialan**

Selain pemantapan akademik dan pentadbiran melalui penyusunan semula yang saya huraikan tadi, dan selain penubuhan Unit Pengajaran-Pembelajaran, KUKUM juga memperkenalkan sebuah lagi unit pemantapan akademik yang tidak kurang pentingnya iaitu Unit Pengantarabangsaan & Pengkomersialan. Fungsi pengantarabangsaan unit ini memainkan peranan memastikan KUKUM tidak ketinggalan di persada dunia, manakala fungsi pengkomersialannya pula berperanan memobilisasikan Universiti ini sebagai penggerak dan pemberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi masyarakat melalui pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan. Unit ini bekerja seiring dan sejalan dengan Unit Penyelidikan, Unit Pengajian Siswazah dan pejabat Komunikasi Korporat KUKUM.

Setakat ini, banyak yang sudah kita lakukan dalam menjalin hubungan antarabangsa - kebanyakannya dalam bentuk lawatan antara dua pihak, kunjungan penasihat dan pakar-pakar dari luar negara, penghantaran staf keluar untuk menyambung pelajaran, kehadiran ke seminar-seminar antarabangsa, dan pengenalpastian projek-projek yang dijalankan berdasarkan MoU yang sudah ditandatangani. Suka saya selitkan di sini bahawa ada juga di antara staf kita yang dijemput untuk memberikan ceramah di dalam dan luar negara dari semasa ke semasa, walaupun KUKUM ini pada hakikatnya amat muda sekali usianya. Ini tidak syak lagi menunjukkan bahawa kita sebenarnya mempunyai pakar-pakar rujuk yang mendapat pengiktirafan negara dan dunia.

Jalinan akademik yang bertaraf *world-class* memungkinkan KUKUM meraih sumber-sumber yang sesuai dari seluruh pelosok dunia, tanpa mengira sempadan. Selain membuka lebih ruang untuk melaksanakan penyelidikan yang bersifat global, jalinan sebegini boleh menjadi pemangkin kepada tertubuhnya entiti-entiti komersial berstatus antarabangsa. Kini, di bawah Unit Pengantarabangsaan & Pengkomersialan, kita





bercadang untuk menyusun program-program tiga penjuru di bawah IMT-GT, termasuk meningkatkan lagi bilangan MoU antara KUKUM dengan pihak luar, khususnya dengan universiti-universiti dari negara-negara IMT-GT.

Melalui aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dilakukan seperti penghasilan buletin untuk tatapan dunia korporat dan badan-badan antarabangsa, penglibatan dalam pameran antarabangsa, penyusunan kolokium, seminar, simposium, bengkel dan persidangan antarabangsa serta banyak lagi. Saya yakin dengan tertubuhnya unit ini dan berkat kerjasama dengan unit dan jabatan lain yang berkaitan, maka usaha ini dapat membuahkan pulangan yang lumayan. Hasil pengantarabangsaan dan pengkomersialan yang optimum ialah pemantapan program dan sistem akademik kita yang terus-menerus mendapat input melalui interaksi di peringkat global, di mana, seperti juga usaha-usaha lain yang saya sebutkan tadi, pelajar-pelajar KUKUMlah yang menjadi penerima terbesar ganjaran yang menyusul.

## PENTADBIRAN


### Perpustakaan & Jabatan Bendahari

Saudara-saudari, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Perpustakaan KUKUM sedar bahawa ia memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam meningkatkan tahap perkhidmatan proses-proses utama di Universiti ini. Tahun lepas, bagi menambahkan kekuatannya, Perpustakaan KUKUM mula menggunakan sebuah sistem pengurusan bersepadu yang digelar VIRTUAL. Sistem ini menawarkan katalog on-line bagi semua koleksi bahan yang terdapat di dalam Perpustakaan. Ini bermakna warga KUKUM boleh membuat pencarian koleksi perpustakaan di terminal OPAC yang terdapat di mana-mana sahaja mereka berada melalui internet. Selain itu, pengguna juga boleh membuat tempahan buku, menyemak akaun sendiri dan mengakses kesemua pangkalan *data on-line* yang dilanggan KUKUM. Benarlah apa yang pernah saya sebutkan dalam Ucaptama ini tahun lepas KUKUM dan warganya sebenarnya sedang duduk di atas dan di antara timbunan khazanah ilmu yang tidak terperi nilainya. Ilmu itu berada di mana-mana dan sistem yang cukup canggih juga sudahpun disediakan untuk menggali dan menerokai ilmu tersebut. Rugilah kita sekiranya kita tidak mengoptimumkan kemudahan ini.

Kita semua sepatutnya merasa amat bertuah kerana pada pagi yang indah ini, sistem VIRTUAL Perpustakaan akan dilancarkan dengan rasminya. Begitu juga dengan Sistem Pengurusan e-Kewangan yang juga akan dilancarkan sebentar lagi. Dengan Sistem





Pengurusan e-Kewangan ini, PTJ boleh memproses borang pesanan secara *on-line* di jabatan masing-masing. Di samping itu, urusan penyediaan gaji bulanan, penyediaan cek tuntutan dan pelbagai urusan kewangan lain juga dapat dilaksanakan secara *on-line*. Dengan terlancarnya kedua-dua sistem ini, saya kira kualiti perkhidmatan yang boleh dijangka dari Perpustakaan dan Jabatan Bendahari akan lebih menyerlah lagi, Insya Allah.

### **Jabatan Pendaftar**


Saudara-saudari sekalian, pentadbiran akademik bersandar kepada jentera pentadbiran universiti keseluruhannya. KUKUM menyokong hasrat Kerajaan untuk memantapkan urus tadbir universiti di semua peringkat melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Di bawah pelan ini, Sistem Pengurusan Akauntabiliti & Integriti akan dibangunkan dan dilaksanakan di semua PTJ. Kebetulan tahun 2004 menyaksikan sedikit pertukaran dalam keanggotaan pengurusan tinggi Universiti ini, di mana KUKUM menerima Pendaftarnya yang baru, menggantikan Pendaftar lama yang kini berkhidmat di POKK. Di bawah penyeliaan dan bimbingan Pendaftar baru, siri taklimat mengenai Pelan Integriti Nasional akan disusun tidak lama lagi, dan saya harap semua staf yang terlibat akan memberikan kerjasama padu dalam menjayakan pelan ini.

Selain itu, pada tahun ini, rancangan *job rotation* akan dilaksanakan ke atas segelintir penolong pendaftar dan staf lain yang dikenalpasti. Di bawah skim ini, staf akan ditukarkan tempat bertugas. Ini dilakukan agar staf berpeluang menambah pengalaman bekerja dalam persekitaran yang berbeza. Pendedahan kerja yang pelbagai akan insya Allah memperkayakan pengetahuan staf dan seterusnya dapat membantu staf menangani dengan matang isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan kerja seharian.

Setelah hampir 3 tahun beroperasi, kita kini sudah berada pada tahap di mana 'pembedahan' dapat dilakukan ke atas proses-proses kerja, agar dapat dikenalpasti sudut-sudut kerja yang boleh ditambahbaik. Tahun ini, penelitian terperinci ke atas proses-proses kerja akan dilakukan dengan giatnya. Melalui penggunaan prosedur-prosedur kerja dan sistem fail yang teratur dan sistematik dan disokong pula dengan infrastruktur ICT yang mendasari jentera pentadbiran ini, maka insya Allah, pelaksanaan pengurusan KUKUM dapat bergerak dengan licin dan kos-efektif. Sebahagian kerja ini sudahpun dimulakan dengan bengkel-bengkel yang diadakan dari semasa ke semasa.

Bagi melicinkan lagi perancangan dan pelaksanaan perkara ini, Unit Kualiti telah ditubuhkan tidak lama dahulu. Unit ini, yang berperanan meninjau amalan-amalan kerja akademik dan pentadbiran, akan membantu mengenalpasti peluang-peluang





penambahbaikan yang ada di sekeliling kita. Selain itu, unit ini juga akan menggerakkan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) di Universiti ini.

## ICT


Kejayaan semua, atau hampir semua perkara-perkara pengurusan dan pentadbiran yang saya sebutkan tadi amat bersandar kepada infrastruktur ICT yang teguh dan mantap. KUKUM mendakap dan mengamalkan aspirasi 'e' nya dengan sebegitu rupa sehinggakan kita digelar sebagai sebuah universiti digital. Jadi tidak hairanlah sekiranya saya mengatakan bahawa dalam usianya yang belum lagi menjangkau 3 tahun, Universiti ini sudahpun mengukir nama di peringkat nasional dengan pencapaian ICTnya. Baru-baru ini, kita telah mendapat tempat ke-3 dalam Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (ATPM) yang dianjurkan oleh pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri. Tahniah! Pencapaian ini amat besar sekali ertinya memandangkan tiada universiti lain di Negara ini yang terpaksa mengharungi pelbagai cabaran sebelum dapat menawarkan perkhidmatan ICT seperti yang kita nikmati sekarang ini.

Cuba saudara-saudari sekalian fikirkan, KUKUM adalah sebuah kampus yang bersifat bertaburan. Terdapat lebih dari 8 buah tapak kampus yang terletak di merata negeri ini dari Kangar, Kubang Gajah, dan Jejawi, sehinggalah ke Kuala Perlis. Setiap tapak kampus dipisahkan oleh tanah awam dan berjarak antara 1 hingga 15 kilometer. Bagaimanakah boleh diwujudkan sebuah rangkaian kampus yang padu sekiranya lokasi bangunan-bangunannya terasing?

Bertaburannya lokasi tapak kampus KUKUM bukanlah satu-satunya cabaran yang perlu ditangani. Terdapat beberapa lagi kekangan lain yang tidak kurang mencabarnya. Topografi yang berbukit-bukau, lokasi negeri yang bersempadan dengan negara jiran, kekurangan infrastruktur syarikat pembekal telekomunikasi dan kekurangan ruang yang mencukupi untuk beroperasi dengan baik turut menyumbang kepada cabaran yang disebutkan tadi.

Topografi yang berbukit-bukau menyebabkan ketiadaan *line of sight* dan seterusnya, pancaran isyarat menjadi tersekat. Lokasi yang bersempadan dengan negara jiran pula mendedahkan KUKUM kepada operasi *jamming* yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu bagi menyekat isyarat yang tidak diingini. Cabaran-cabaran ini memaksa KUKUM memikirkan jalan penyelesaian yang di luar kebiasaan. Apa yang ketara ialah, teknologi semata-mata tidak mencukupi. Pemilihan jenis teknologi serta kepintaran dalam mengubahsuainya bagi memenuhi keperluan semasa menuntut sejenis pemikiran yang bukan sahaja kreatif tetapi juga inovatif dan berani.





Walau apa jua isu teknikal yang mengekang pengoperasian yang diingini, KUKUM telah menetapkan bahawa pengurusan dan pentadbiran urusan-urusan utamanya, terutama sekali urusan pengajaran-pembelajaran, tidak sekali-kali boleh dikompromi walau seketika jua. Pembangunan kemudahan ICT dirancang dengan sebegitu rupa agar ia sentiasa menepati beberapa perkara asas. Yang pertama, ia mestilah dibangunkan agar memenuhi kehendak semasa yang dinamik dan berubah-ubah. Kedua, ia mestilah menyokong pengurusan yang berkesan. Ketiga, ia harus dapat meningkat dan memantapkan kualiti perkhidmatan. Keempat, ia mesti dapat memberi daya saing dalam arena pendidikan tinggi global dan yang kelima, ia mesti memberikan kelainan dalam pengalaman pengajaran- pembelajaran pelajar dan staf KUKUM.

Dengan dilingkari kekangan-kekangan yang saya sebutkan tadi, kita masih berupaya mewujudkan sebuah sistem yang setanding dengan apa yang digunapakai hari ini di Putrajaya iaitu pusat dan nadi pentadbiran negara kita yang tidak dibelenggu pelbagai kekangan yang masih membelenggui kita di KUKUM sehingga kini. Saya harap dengan penjelasan yang saya berikan ini, semua warga Universiti ini, terutama sekali mereka yang seringkali mengeluh dan melatah tentang perkhidmatan ICT kita, akan lebih menghargai dan faham akan apa yang terpaksa dilalui demi membawa ICT ke pejabat, makmal, dewan kuliah dan kolej-kolej kediaman kita.

## **Penubuhan Unit Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (UKKP)**

Saudara-saudari, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Setiap hari, kita menghabiskan sekurang-kurangnya 8 jam di perkarangan kampus KUKUM. Dari itu, adalah menjadi tanggungjawab Universiti ini untuk memastikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat. Selain Unit Keselamatan, KUKUM kini sudah menubuhkan sebuah lagi unit yang tidak kurang pentingnya, iaitu Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (UKKP). Unit ini menjadi pelengkap kepada Unit Keselamatan yang menjaga aspek keselamatan seperti kecurian dan seumpamanya. Tugas UKKP ialah memastikan bahawa persekitaran kerja warga kampus adalah selamat dari kemalangan, terutama sekali di dalam makmal-makmal. Beberapa siri audit kesihatan dan keselamatan pekerja telahpun dijalankan ke atas banyak tempat di dalam kampus dan hasil dari audit tersebut, beberapa penambahbaikan sudahpun dilakukan. Saya menyeru kepada warga KUKUM untuk melaporkan kepada UKKP keadaan atau persekitaran yang dirasakan boleh mendatangkan kemudaratan kepada warga kampus. Insya Allah, unit ini akan datang menyiasat. Pada masa-masa yang akan datang, kita berhasrat melatih ramai lagi anggota warga kampus untuk membantu UKKP menjalankan audit dari semasa ke semasa.





## Penubuhan Unit Kebudayaan & Rekreasi

Dalam kita menjalani kehidupan di dunia yang serba moden ini, kita tidak sepatutnya melupakan budaya dan adat istiadat timur yang kita warisi. Di KUKUM, sudah sekian lama kita berkecimpung dalam arena kebudayaan dan rekreasi. Kini, kita meneruskan lagi upaya dalam bidang tersebut dengan menubuhkan Unit Kebudayaan & Rekreasi. Melalui unit ini, pelbagai program akan disusun, termasuklah penubuhan Kelab Jazz Band, kelas seni tarian etnik, tarian tradisional, pergerakan seni kreatif, muzik, angklung, drama & pementasan dan banyak lagi. Hasilnya nanti akan dapat kita nikmati dalam bentuk Persembahan Malam Kebudayaan, Pertandingan Nyanyian, Koir dan Kugiran antara Universiti, Pertunjukan Fesyen Pakaian Warisan Melayu dan Rakyat Malaysia, Konsert Bersama Pelajar dan Staf KUKUM dan sebagainya.

Melalui aktiviti-aktiviti sebeginilah dapat kita memastikan nilai, tradisi dan budaya kita dikekalkan sehingga ke generasi-generasi yang akan datang. Selain itu, dengan berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan, kita sebenarnya mencergaskan bahagian sebelah kanan otak kita, yang seterusnya dapat memperkayakan minda keseluruhannya. Minda yang kaya adalah lebih matang dan kreatif, dan ini tentu sekali dapat membantu menangani cabaran-cabaran hidup yang diharungi setiap hari.


Bagi aspek rekreasi pula, acara seperti merentas desa, mendaki gunung dan banyak lagi aktiviti bersifat *outdoor* sedang disusun. Kita juga akan menubuhkan Kelab Renang & Penyelamat Kelemasan tidak lama lagi.

Hasil yang kita harapkan dari penubuhan Unit Kebudayaan & Rekreasi ini ialah badan yang sihat dan minda yang cergas dan cerdas. Ini menjadi input positif kepada proses penimbaan ilmu warga Universiti ini, insya Allah.

## Hal Ehwal Pelajar

Saudara-saudari sekalian, sekiranya saudara-saudari mengamati kata-kata saya setakat ini, tentulah saudara-saudari mendapati bahawa banyak sekali kerja yang telah dan akan dilakukan di KUKUM berkisar di sekitar para pelajarinya. Sekiranya ini menimbulkan persoalan, ingin saya nyatakan sekali lagi bahawa pelajar merupakan anggota penting organisasi ini. Segala usaha yang dicurahkan oleh semua staf KUKUM sebenarnya mempunyai satu matlamat akhir iaitu untuk menghasilkan graduan yang kompeten dalam aspek teori dan praktikal serta yang mempunyai sifat patriotik dan jatidiri yang tinggi.






Kerana itulah, program demi program dirancang dan diatur untuk pelajar samada yang melibatkan pelajar secara langsung ataupun tidak langsung. Program yang melibatkan pelajar secara langsung, yang dilancarkan tahun lalu ialah program 'Rakan Pendamping Siswa' (RPS). Program ini merupakan susulan program *home room* yang diperkenalkan pada tahun 2002 semasa pelajar kelompok sulung KUKUM diterima masuk. Setelah 2 tahun, kita merasakan program *home room* perlu diperkemas, dan dari itu lahirkan program RPS.

Di bawah RPS, staf akademik akan mengendalikan kumpulan pelajar mengikut pusat pengajian selama tempoh pelajar berada di KUKUM. Peranan staf akademik (iaitu 'rakan pendamping' kepada siswa) ialah bagi menyalurkan kemahiran *soft skill* dan penasihat akademik kepada kumpulan anak didiknya. Nilai-nilai sayang dan cintakan Universiti juga diselitkan semasa pertemuan antara 'rakan' dan 'siswa'. RPS cuba mengintegrasikan aspek akademik dan pembangunan sahsiah pelajar melalui program-programnya yang disusun khas.

Selain itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti yang lebih formal yang diatur di bawah sistem RPS. Aktiviti-aktiviti ini secara kolektifnya digelar sebagai *seven pillars* dan merangkumi Kursus Bina Negara Asas Mahasiswa, Kursus Bina Negara Mahasiswa Lanjutan, Program Bersama Komuniti, Wacana Sosial, Bengkel Kepimpinan, Kursus Kemahiran Komunikasi, Kursus Etika Sosial dan Bengkel Profesional & Kerjaya. Kursus serta program-program ini, yang diwajibkan ke atas pelajar sepanjang pengajian di sini, direkabentuk khas untuk menjadi pelengkap kepada kurikulum akademik. Sijil-sijil akan diberikan, agar dapat mengukuhkan lagi CV pelajar kelak. CV yang baik Insya Allah akan meningkatkan peluang graduan mendapatkan pekerjaan nanti.

Program RPS ini memerlukan iltizam yang tinggi di pihak pelajar dan juga staf. Selagi semua yang terlibat tidak bersungguh-sungguh dalam hal ini, selagi itulah RPS tidak boleh dikatakan berjaya. Dari itu, saya menyeru semua pelajar dan staf KUKUM untuk sama-sama memberi sumbangan yang dapat menjamin kejayaan program yang begitu murni niatnya ini.





## NASIHAT

### Berhemah & berjimat cermat dalam penggunaan sumber


Saudara-saudari sekalian, dengan penambahan bilangan staf dan pelajar KUKUM, maka penggunaan sumber seperti air, elektrik, dan lain-lain lagi terus meningkat. Dari itu, ingin saya menarik perhatian saudara-saudari kepada konsep berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah. Warga KUKUM digalakkan menggunakan segala sumber yang ada untuk menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Namun begitu, penggunaan sumber itu perlulah dengan berjimat-cermat, tanpa berlakunya pembaziran. Kita tidak patut menggunakan sumber milik awam untuk manfaat dan kepentingan peribadi sekiranya ia mengkompromi kedudukan KUKUM. Kita harus berhati-hati semasa menggunakan sumber yang diamanahkan kepada kita. Kita perlu sedar bahawa tiada satu perbuatan pun yang tidak dicatat baik buruknya. Kita bertanggungjawab ke atas segala apa yang kita lakukan.

Ingin saya menceritakan kepada saudara-saudari mengenai sebuah kisah yang berlaku semasa zaman Khalifa ar-Rasyidun, di mana Sayidina Umar al-Khattab yang pada waktu itu menjadi khalifah hendak melaksanakan suatu perkara pada waktu malam. Di dalam ketiadaan cahaya lampu, Sayidina Umar diberikan lilin milik awam untuk menerangi kamar kerjanya. Namun begitu, beliau khawatir beliau mungkin menggunakan harta awam untuk tujuan peribadi, lalu beliau enggan menggunakan lilin milik awam tersebut. Lihatlah bagaimana Sayidina Umar begitu prihatin dengan amanah yang dipikunya, sehinggakan penggunaan sebatang lilinpun dirasakan boleh menjadi risiko yang menyebabkan terbinanya tabir antara beliau dengan PenciptaNya.

Adakah kita mempunyai tahap keprihatinan yang sedemikian rupa? Berapa ramaikah di antara kita yang tidak tergamak membazirkan walau setitis air yang tidak diperlukan, sungguhpun bukan kita yang akan membayar bil airnya? Adakah kita memadamkan lampu dan pendingin hawa ketika tidak menggunakannya? Saya mohon semua warga KUKUM memberikan kerjasama membenters pembaziran habis-habisan termasuk pembaziran wang ringgit, harta benda dan yang lebih utama lagi pembaziran masa.

Semasa Ucaptama tahun lepas, saya ada mengatakan tentang peri pentingnya kita mengurus masa. Kerana tahap kepentingannya yang tinggi, saya ingin mengulangi nasihat tersebut. Saya harap tiadalah antara warga KUKUM yang sering lewat untuk majlis atau aktiviti rasmi. Sekiranya kita datang lewat, ini bermakna bukan sahaja kita tidak menghormati masa, tetapi kita juga tidak menghormati orang-orang yang datang lebih awal daripada kita. Buat diri saya, staf atau pelajar yang datang lewat seperti ini





amat tidak malu sekali. Orang yang selalu datang lewat mencerminkan sifat diri mereka yang sebenar, yang serba tidak terurus.

Baru-baru ini, kita telah menaiktarafkan sistem perakam waktu dari yang manual kepada automatik. Data yang direkod dan dijana dari sistem baru yang memanfaatkan *smart card* ini dapat saya dan ketua-ketua jabatan lain akses dari portal KUKUM pada bila-bila masa. Dulu, dengan sistem perakam waktu manual, saya telah meneliti data kedatangan staf setiap kali berkesempatan. Sekarang, dengan kemudahan mengakses data yang laju dan terkini, saya boleh meneliti data yang sama hampir setiap hari. Suka saya maklumkan bahawa saya dapati adanya peningkatan dalam masa kedatangan staf ke pejabat setiap hari. Saya kira peningkatan ini berpunca dari kesedaran pada pihak staf bahawa data kedatangan mereka kini mudah diakses oleh ketua jabatan mereka. Saya merasa optimistik bahawa sungguhpun pada awalnya penambahbaikan ini disebabkan oleh faktor mudah-akses oleh ketua jabatan, tetapi lambat-laun penambahbaikan ini menjadi sebahagian budaya yang sehati dengan amalan seharian staf. Itulah harapan saya.

Nasihat saya mengenai pengurusan masa juga ditujukan kepada pelajar. Saya tahu ada kalanya kuliah dan makmal terpaksa dimulakan lambat lantaran lambatnya pelajar tiba. Dan saya faham bahawa lambatnya pelajar adalah disebabkan lambatnya bas. Namun begitu, dari semasa ke semasa, saya, Profesor Ali dan beberapa orang ketua jabatan lain pergi mengintai pergerakan bas dan pelajar, dan kami dapati bahawa bas semata-mata tidak boleh dipersalahkan setiap kali. Saya pernah menyaksikan dengan mata saya sendiri betapa beberapa orang pelajar berjalan dengan perlahan, seolah-olah sedang bersiar-siar, sedangkan pemandu dan rakan-rakan lain sedang menunggu dengan sabarnya di dalam bas yang tidak dimatikan enjinnya. Saya harap bilangan pelajar yang sebegini amat sedikit sekali, dan kepada pelajar-pelajar ini, silalah tingkatkan keupayaan anda mengurus masa. Ingatlah masa itu lebih berharga dari emas.

Tidak lama lagi, pelajar akan diawasi kedatangan ke kuliah dan makmal dengan sistem perakam waktu *smart card* yang akan dipasang di pintu-pintu masuk utama dewan kuliah dan makmal. Dengan sistem ini, pelajar yang tidak datang ke kuliah atau makmal dalam ulangan dan turutan tertentu, sekiranya tiada sebab yang munasabah, akan dihalang dari menduduki peperiksaan. Seperti yang selalu saya katakan, tiada ruang walau sejenkal juapun untuk pembaziran dilakukan di KUKUM baik oleh staf mahupun pelajar.

Dalam nada yang sama, saya ingin meminta semua Ketua Jabatan untuk mengambil berat tentang penjagaan harta benda di PTJ masing-masing. Semua harta milik KUKUM perlulah mempunyai rekod yang sempurna dari mula harta tersebut dibeli sehinggalah masa ia dijumpukan oleh Jawatankuasa Pelupusan Harta KUKUM. Rekod ini perlu





mengandung data seperti harga, jenis aduan dan kerosakan ke atasnya sekiranya ada, kos penyelenggaraan, dan maklumat-maklumat lain yang mustahak. Setiap harta perlu ada failnya yang lengkap. Ini amat penting memandangkan kampus kita ini kampus yang bersifat bertaburan. Amat mudah bagi harta benda hilang semasa ia diangkut dari satu lokasi kampus ke lokasi kampus lain. Kita perlu sentiasa ingat bahawa harta tersebut bukan milik kita dan kita telah diamanahkan untuk menjaganya.

### **Universiti sebagai Menara Gading**


Saudara saudari sekalian, ingin saya berbicara sedikit mengenai konsep universiti sebagai sebuah menara gading. Konsep ini, yang digunapakai sekian lama oleh masyarakat, membentuk persepsi bahawa universiti terletak nun jauh di atas sana, dan hanya segelintir orang yang elit sahaja dibenarkan mendekati lingkungan eksklusif ini. Rektor atau Naib Canselor sesebuah menara gading duduk di menara paling atas, dan jurang antara tahap dalam hierarki organisasi serta yang di luar sempadan institusi ini tentulah amat ketara sekali.

Kini, zaman sudah beredar dan berubah. Semua orang mempunyai peluang yang seluas-luasnya untuk belajar dan bekerja, khasnya di tempat awam seperti KUKUM. Sejak mula-mula Universiti ini dibuka, saya dan rakan-rakan telah bertekad mengurangkan jurang antara kita iaitu jurang antara sesama staf, antara staf dan pelajar dan antara KUKUM dan masyarakat luar. Pintu kita dibuka seluas-luasnya bagi mempamerkan ruang perbincangan yang dapat menyelesaikan sebarang masalah seharian. Lebih-lebih lagi di KUKUM ini, kita bersandarkan kepada ILMU. Betapa tidak ilmu adalah salah satu nilai teras kita. Sekiranya terdapat jurang di antara kita, saya kira ia disebabkan oleh tahap ilmu yang ada pada kita. Dari itu, bagi mengurang atau menghapuskan jurang tersebut, saya menyeru semua warga KUKUM untuk mengisi dada dengan sebanyak ilmu yang mungkin. Ilmu akan menjamin kesamarataan antara kita. Seperti yang saya sebutkan tadi, KUKUM terletak di atas dan di antara timbunan ilmu. Tiada masalah untuk menimba dan menggunakannya. Dari itu, tiada ruang untuk bermenara-gading di KUKUM ini. Kita semua serupa, sama-sama cuba mencari dan mengaplikasikan ilmu dengan sebaik-baiknya

### **Semua Staf KUKUM adalah Pendidik**

Saya ada menyebut tadi bahawa pelajar merupakan anggota penting organisasi ini. Kerana itulah saya berpendapat bahawa semua staf KUKUM, tanpa berkecuali, adalah pendidik. Bukankah ada saya katakan tadi, setiap staf KUKUM mempunyai peranan tersendiri di dalam proses menjana graduan cemerlang yang menjadi idaman kita semua.






Apa yang staf lakukan setiap hari akan mempengaruhi ciri dan rupa graduan. Bukankah ini tugas seorang pendidik? Dari itu, setiap pembantu am rendah (PAR), kerani, dekan, setiausaha, guru, juruanalisa sistem, pengarah, pemandu, jurutaip, pustakawan, pengerusi rancangan, pengawal keselamatan, PLV, timbalan dekan, pensyarah, penolong pendaftar, timbalan pendaftar, profesor, tutor, jurutera, timbalan rektor, rektor, semua sekali adalah pendidik. Dan sebagai pendidik kita perlu sentiasa mengawasi gerak geri kita. Ini kerana pendidik sentiasa menjadi ikutan. Parahlah KUKUM sekiranya gerak geri kita yang kurang baik yang menjadi ikutan anak-anak didik kita. Saya harap saudara saudari sekalian sedar akan kehebatan tanggungjawab ini. Sekiranya diamati, amanah yang dipikul pendidik amat menggerunkan sekali. Di bahu pendidiklah masa depan nusa dan bangsa kita dicorakkan. Cubalah saudara-saudari renungi maksud di sebalik kata-kata saya ini.

### **Peranan Pelajar KUKUM**

Kepada pelajar pula, dengan penjelasan yang saya berikan selama lebih dari sejam ini, saya harap pelajar dapat menghayati kedudukan diri di dalam skema organisasi. Peranan pelajar tidak lain ialah menimba ilmu sebanyak yang mungkin, agar dapat diluahkan untuk membantu membangunkan Negara dan dunia. Ini amat wajar, kerana Kerajaan sudahpun melaburkan puluhan juta ringgit di KUKUM, semata-mata supaya pelajar Universiti ini mendapat pendidikan tinggi yang sempurna. Dari pengiraan kasar yang dilakukan, saya telah mendapati bahawa bagi setiap pelajar yang memasuki KUKUM dan menikmati kemudahan yang disediakan, Kerajaan membelanjakan sekitar RM30 000 setahun untuknya. Ini bermakna dalam tempoh 4 tahun pelajar berada di sini, Kerajaan mengeluarkan sekitar RM 120 000, sedangkan yuran yang dibayar pelajar hanyalah satu peratusan kecil dari jumlah tersebut. Pelajar semua tahu bahawa saya dan seluruh warga KUKUM tetap berusaha agar segala-galanya dapat dimobilisasikan, supaya proses pembelajaran pelajar menjadi yang terbaik sekali. Kini, terpulanglah kepada pelajar untuk bertindakbalas terhadap saranan ini dan belajar bersungguh-sungguh.

Pelajar KUKUM yang saya idam-idamkan adalah pelajar yang bukan sahaja cemerlang akademiknya, tetapi juga cemerlang budi pekerti dan tingkah lakunya. Tak perlulah saya pergi jauh untuk mengenali hati budi pelajar KUKUM. Setiap hari saya menaiki lif ke pejabat dan terserempak dengan pelajar di situ. Kebanyakannya dengan hormat menegur dan memberikan salam. Alhamdulillah. Tapi ada sebilangan kecil yang buat tak tahu. Bukannya susah hendak memberikan salam, tetapi mengapakah bentuk budi pekerti yang paling mudah itupun tidak diamalkan sebilangan kecil pelajar ini?





Dari dulu saya katakan, saya amat berharap agar kesemua pelajar KUKUM menghormati orang lain, terutamanya orang yang lebih tua, ditambah pula sekiranya orang tua itu merupakan guru kepada pelajar. Bertegur sapa memberikan salam kepada warga KUKUM lain, khasnya yang lebih tua, menunjukkan budaya hormat-menghormati. Itulah budaya timur yang kita pegang. Sebuah kata salam, diiringi dengan seukir senyuman, meninggalkan kesan yang mendalam kepada yang memberi serta juga yang menerima. Ia melambangkan bahawa si pemberi mempunyai budi pekerti yang tinggi dan terpuji. Si penerima pula, tak kira tua atau muda, tentulah berbesar hati. Lalu terjalinlah kemesraan antara keduanya. Dan inilah budaya dan suasana yang amat saya inginkan di sini. Saya amat berharap seluruh para pelajar dapat menghayati Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini. Sejarah telah membuktikan bahawa banyak empayar atau negara-negara yang maju, runtuh kerana generasi yang mewarisinya gagal menjaga ketamadunan yang dicapai kerana mereka mempunyai moral yang rendah. Hasil dari kempen ini, adalah diharapkan satu bangsa Malaysia yang mempunyai semangat perpaduan, toleransi, saling memahami dan cintakan negara dapat dicapai dengan jayanya.

## SEJENAK PERJALANAN DAN PENCAPAIAN KUKUM TAHUN 2004

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

Marilah kita beralih kepada pencapaian KUKUM sepanjang tahun sudah. Selain anugerah APTM MAMPU dan beberapa kejayaan lain yang akan saya sebutkan sebentar lagi, pencapaian terbaru yang amat kita banggakan ialah kejayaan oleh pasukan penyelidikan yang diketuai oleh Profesor Dr. Mohd Noor dari PPK Kejuruteraan Bahan, iaitu dalam *Bio-genesis Challenge* anjuran Institut Bioteknologi Melaka. Pasukan Profesor Dr. Mohd Noor telah berjaya menghasilkan sebuah *nutra biostrip* yang boleh mengesahkan kandungan dan kualiti herba sesebuah bahan yang hendak diuji. Pasukan penyelidikan ini, yang juga dianggotai Profesor Dr. Ali Yeon, telah meraih pengiktirafan daripada YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri dua minggu lalu. Pencapaian yang sebeginilah yang hendak kita contohi. Saya difahamkan bahawa pasukan penyelidikan ini, bersama ahli-ahli penyelidik KUKUM yang lain dan beberapa anggota dari industri akan meneroka projek-projek baru yang boleh membantu mengembangkan potensi industri bio-herba di Perlis, khususnya projek-projek yang berteraskan kejuruteraan. Tahniah saya ucapkan! Saya harap kejayaan sebegini menjadi perangsang dan membuka laluan untuk kejayaan-kejayaan lain dalam bidang penyelidikan di Universiti ini.





# KUKUM



Marilah kita renung sejenak acara-acara yang telah kita lalui semenjak Majlis Ucaptama kita tahun lalu. Tahun 2004 merupakan tahun yang amat bersejarah bagi KUKUM, di mana pelbagai peristiwa penting telah dilalui, yang mana semuanya ini telah mematangkan lagi diri kita ini.

Sejarah terukir pada 17 Julai 2004 apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis telah dizahirkan sebagai Canselor KUKUM yang pertama. Peristiwa ini telah dilakarkan dalam sebuah majlis yang penuh gilang gemilang iaitu di Istiadat Pemasyhuran Canselor Dan Majlis Konvokesyen Komemoratif KUKUM.


Canselor adalah ketua bagi Universiti ini, yang akan menguruskan Konvokesyen dan melaksanakan kewajipan-kewajipan lain yang diperuntukkan oleh perlembagaan. Sempena Istiadat Pemasyhuran ini, Tuanku Canselor berharap agar KUKUM dapat memperkukuhkan kedudukannya di persada negara dan dunia. Baginda turut mendoakan agar misi dan visi KUKUM dapat dicapai melalui sokongan padu seluruh warganya.

Pada istiadat itu juga KUKUM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat sulungnya kepada YAB Dato' Seri (Dr.) Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis, yang begitu komited dalam memperjuang serta memartabatkan institusi ilmu, khasnya KUKUM.

Dalam majlis yang sama, sebuah cokmar telah diserahkan oleh YB Dato' Dr. Hj. Shafie Hj. Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi, kepada saya sebagai wakil Universiti ini. Upacara ini adalah simbol penyerahan kuasa Kerajaan kepada Universiti ini untuk menganugerahkan ijazah kepada pelajar-pelajarnya yang berjaya. Cokmar KUKUM telah direkabentuk dengan mengambil kira konsep 'pohon kehidupan' yang sama-sama kita amalkan di sini.

Sekitar masa yang sama, Pesta Pemasyhuran selama tiga hari telah dianjurkan di perkarangan Stadium Utama Kangar. Sebelum itu, pada 3 hb Julai, 2004, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah berkenan berangkat ke Majlis Santapan Malam bagi meraikan perlantikan Canselor KUKUM. Semua acara telah berjaya dilaksanakan hasil penat lelah warga KUKUM dari segenap lapisan, yang terdiri daripada staf dan pelajar. Ini termasuklah Majlis Perwakilan Pelajar yang begitu giat sekali menghulurkan bantuan dalam bentuk idea, tenaga dan masa. Untuk itu semua, saya amat berbesar hati sekali.





Pada awal tahun 2004 iaitu pada tanggal 7 Januari, bendera KUKUM telah berdiri megah terpacak di puncak Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara. Tahniah dan terima kasih kita kalungkan kepada wira-wira kita yang berjaya melengkapkan misi ini. Pada waktu itu, saya merasakan bahawa ini merupakan satu petanda yang KUKUM akan mencipta lebih banyak sejarah dan kejayaan sepanjang tahun 2004, bersesuaian dengan semangat 'Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya'. Memang tepat sekali sangkaan saya kerana Pasukan Kawad KUKUM telah berjaya muncul sebagai Johan pada Pertandingan Kawad dan Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perlis yang lalu. Begitu juga dengan Pasukan Bolasepak KUKUM yang telah menggondol kejuaraan di Kejohanan Liga Bolasepak Piala Bumita baru-baru ini. Selain itu, Pasukan Bola Tampar kita juga telah mengukir beberapa kemenangan yang amat memberangsangkan. Kita juga amat berbangga dengan prestasi sukan seorang pelajar KUKUM yang berjaya mewakili Negara. Syabas! Tahniah! Teruskanlah perjuangan ini!

Selaras dengan tanggungjawab KUKUM untuk mempertingkatkan bidang ilmu di negeri Perlis yang 'Permai Lagi Mempesona' ini, Pameran Peluang Pendidikan KUKUM 2004 telah diadakan pada bulan Februari tahun lalu. Pameran ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah-sekolah di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang mengenai bidang kejuruteraan, di samping menarik minat mereka terhadap bidang tersebut. Di samping itu, staf KUKUM juga telah menganjurkan Festival Nasyid IPTA Peringkat Kebangsaan 2004, di mana 8 buah kumpulan nasyid yang mewakili 7 IPTA seluruh negara telah bertanding.

Apa yang saya sebutkan tadi hanyalah sebahagian sahaja dari banyak lagi peristiwa, sejarah dan kejayaan yang telah kita lalui bersama. Kalau hendak disenaraikan kesemuanya di sini sampai ke petangpun belum tentu selesai majlis kita pada hari ini. Ini kerana terdapat tidak kurang dari 137 program dan aktiviti serta kejayaan yang dicatatkan sepanjang tahun 2004. Ini semua, tidak lain dan tidak bukan, adalah kejayaan kita bersama dan ia terlaksana hasil dari berkat kerjasama seluruh warga KUKUM sama ada pelajar mahupun stafnya. Di kesempatan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada saudara saudari sekalian atas sumbangan yang telah diberikan untuk meletakkan KUKUM setaraf dengan universiti-universiti ternama lain.

Saudara-saudari, staf dan pelajar yang saya sayangi sekalian,

Selang beberapa hari sebelum tertutupnya tirai 2004, KUKUM telah dirundung malang dengan pemergian dua orang warganya iaitu Allahyarham Mohd Zulkidan Ali dan Allahyarham Mohd Firdaus Mohd Ali. Untuk itu saya mengajak saudara saudari sekalian untuk mensedekahkan Al-fatimah kepada anggota keluarga kita yang sudah pergi jauh itu.





Bagi warga yang bukan beragama Islam, silalah bertafakur sejenak selama seminit mulai sekarang.

(Al-fatihah dan bertafakur selama seminit)

Terima kasih. Sungguhpun pemergian Allahyarham Zulkidan dan Allahyarham Firdaus amat menyayat hati kita semua, namun, saya percaya, di sebalik kejadian itu terdapat hikmah yang tidak terhingga nilainya, kalaulah kita pandai mencarinya. Yang pergi itu tetap pergi, dan kita yang masih hidup ini perlulah meneruskan perjuangan.

Belum lama kita menanggung kesedihan lantaran pulangnya Allahyarham Zulkidan dan Allahyarham Firdaus ke rahmatullah, terjadi pula bala bencana gempa bumi dan ombak besar (tsunami) yang menyaksikan kematian lebih 150,000 manusia di beberapa buah negara, termasuk negara kita sendiri. Saya melihat terjadinya perkara-perkara ini sebagai sebahagian tanda-tanda kebesaran Tuhan, yang inginkan makhlukNya menyedari betapa kerdilnya diri, betapa rapuhnya hidup ini, dan dari itu, betapa pentingnya untuk kita semua mencari pengertian sebenar kehidupan, serta mengaturnya dengan sebaik mungkin. Bala bencana dan ajal maut berlaku dalam sekelip mata, dan kita manusia hanya mampu menerimanya sahaja. Sekiranya kita sentiasa memenuhi kehidupan dengan amal dan kebaikan, maka datangnya maut pada bila-bila masa tidak langsung menjadi persoalan, kerana kita sudah bersedia. Sebaliknya, sekiranya masa yang dianugerahkan kepada kita disia-siakan penggunaannya, maka rugilah kita serugiruginya dengan datangnya ajal.

Sebagai anggota warga dunia, marilah sama-sama kita menadahkan tangan dan berdoa agar kesengsaraan mereka yang dilanda cubaan yang amat berat ini dapat diringankan. KUKUM sudahpun menghulurkan bantuan dalam bentuk wang ringgit dengan seadanya. Kita juga berpendirian bahawa bentuk pertolongan yang lebih bermanfaat, iaitu membantu membangunkan semula institusi ilmu di Aceh, perlu dijalankan. Insya Allah, akan kita laksanakan menerusi jaringan IMT-GT dengan cara yang sebaik-baiknya.

Saudara saudari sekalian, hadirnya KUKUM di bumi Perlis yang bertuah ini merupakan satu anugerah Tuhan kepada kita untuk melakukan kebaikan dalam kehidupan. Ini kerana KUKUM wujud atas dasar untuk berbakti kepada masyarakat dan negara dan saudara saudari telah diambil bekerja atau belajar di sini bagi memenuhi sebahagian keperluan yang dituntut. Dari itu, gunakanlah peluang ini untuk berbakti dengan sepenuh hati. Insya Allah, apa jua bala bencana yang dihadapi akan dapat dilihat sebagai rahmat Tuhan yang patut disyukuri sepenuhnya.





## Pembangunan Kampus Tetap dan Penukaran Nama KUKUM

Sebelum saya sampai ke penghujung ucapan ini, saya kira tidak sah kalau saya tidak menyebut sedikit tentang pembinaan kampus tetap KUKUM di Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh dan juga tentang penukaran gelaran Universiti ini dari 'kolej universiti' kepada 'universiti teknikal'. Bagi pembinaan kampus tetap KUKUM, ingin saya jelaskan bahawa Fasa 1 perancangan sudah selesai dan hanya menunggu pembinaannya sahaja. Kerja pembinaan akan dijalankan sebaik sahaja wang dari Kerajaan Persekutuan diterima, dan ini akan berlangsung secara berperingkat-peringkat melalui Fasa 2, Fasa 3, dan Fasa 4 yang berakhir sekitar tahun 2010, insya Allah. Minggu lepas, saya dan beberapa orang staf KUKUM telah membentangkan permohonan peruntukan kewangan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 di Putrajaya. Pihak Kerajaan, yang sememangnya menyokong pembangunan KUKUM, telah memberikan maklumbalas yang positif. Saya yakin, dengan sokongan yang sedemikian, kita akan dapat melaksanakan apa yang kita rancang.

Bagi penukaran nama Universiti ini pula, saya hanya dapat memberitahu di sini bahawa proses penukaran nama ini, sekiranya ditukar akhirnya, masih terlalu jauh. Kita bersetuju secara dasarnya bahawa penukaran nama amat diperlukan, sebagaimana saya huraikan tadi mengenai soal persepsi masyarakat terhadap kedudukan kolej universiti. Walaubagaimanapun, proses ini tidak boleh dilaksanakan dalam masa yang singkat. Pelbagai perbincangan perlu diadakan, terutamanya oleh pihak-pihak di luar KUKUM. Sama-samalah kita menanti bagaimana perkara ini dapat diselesaikan.


## PENUTUP

Saudara saudari, staf dan para pelajar KUKUM, serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Ingin saya ucapkan jutaan terima kasih atas perhatian yang diberikan sejak awal ucapan saya yang panjang lebar ini. Biarlah saya akhirnya dengan sebuah puisi yang dikarang oleh seorang pujangga bangsa. Ia menggambarkan ikatan saudara saudari sekalian dengan institusi ilmu yang kita kenali sebagai KUKUM ini. Silalah selami maksudnya, dan amati tafsirannya:

*Kuanyam daun-daun dari seribu lalang  
Di situ rumahku  
Jalinan seribu pengalaman  
Di situ kasihku*






Fikirkanlah. Kita semua diletak di bumi Perlis ini untuk membangunkan sebuah Universiti yang menerajui segunung pengharapan. Kita dikelilingi pelbagai kekangan dan rintangan, namun perjuangan masih perlu diharungi. Lalu, kita ambil apa yang dihulurkan kepada kita dan memikirkan cara yang terbaik untuk memanfaatkan kesemuanya itu dengan sepenuhnya. Itulah dia semangat juang kita. Walau diberikan lalang juapun, kita anyam lalang itu untuk dijadikan rumah, yang di dalamnya kita semai kasih dan harapan.

Insy Allah, dengan berpandukan ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan, maka segala apa yang kita hasratkan akan diperolehi suatu hari nanti, insya Allah.

Sekian, saya akhiri dengan ucapan Selamat Hari Raya Aidil Adha dan Selamat Tahun Baru Cina. Wabillahitaufiq, walhidayah, wassalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.





## Sekalung Penghargaan

Ahli Jawatankuasa Majlis  
**UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR 2005**  
merakamkan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan kepada

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
Unit Protokol  
Pihak Media Elektronik dan Cetak

serta  
semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung  
dalam menjayakan majlis ini.



ILMU \* KEIKHLASAN \* KECEMERLANGAN



[www.kukum.edu.my](http://www.kukum.edu.my)